



Saudara-saudari yang dikasihi dalam Kristus,

1.0. Musim Penyelamatan

Musim-musim tahun liturgi memberikan bentuk dan jalinan kepada perkembangan kehidupan kita sebagai umat Katolik. Musim-musim ini meraikan penyelamatan kita, membangkitkan misteri Yesus Kristus yang hidup di tengah-tengah kita sepanjang tahun—masing-masing dengan cara yang unik dan indah. Dia adalah Alfa dan Omega, permulaan dan pengakhiran, dan “KepadaNya lah kemuliaan dan kekuasaan, sepanjang segala masa” (kata-kata yang digunakan oleh paderi semasa menyurihkan simbol di Lilin Paska pada Malam Sabtu Suci).

2.0 Tujuan Prapaska

Prapaska mempunyai dua matlamat iaitu: perjalanan ke arah Pembaptisan bagi para katekumen (atau ke arah pembaharuan Pembaptisan bagi yang telah dibaptis) pada Hari Paska, dan pemurnian penebusan dosa melalui amal laku sepanjang empat puluh hari. Disiplin-disiplin tradisional melalui ibadah, puasa dan sedekah, menyokong kedua-dua matlamat tersebut dalam waktu pertaubatan, perubahan dan kesedaran ini.

3.0 Sakramen Inisiasi

Tahun ini, kita diberkati dengan sejumlah 28 calon yang akan menerima ketiga-tiga sakramen inisiasi, 2 orang Kristian telah dibaptis yang akan diterima ke dalam Gereja Katolik serta 4 orang dewasa yang bersedia untuk menerima penguatan pada Paska ini. Marilah kita terus menemani mereka melalui persahabatan, sokongan dan doa. Amalan Prapaska kita tidak membawa makna sekiranya ia tidak dihayati secara bersatu padu dan dalam persekutuan dengan calon-calon ini ke arah persediaan menerima sakramen inisiasi.

4.0 Aktiviti Prapaska

Pada musim Prapaska ini, kita berharap untuk meneruskan adat tradisi berdoa Jalan Salib, pada setiap Jumaat Prapaska sehingga Minggu Suci. Kita berharap mereka yang masih tidak dapat menyertai bersama secara fizikal atas sebab kesihatan, masih dapat juga menyertai secara dalam talian.

Kami, kesemua tiga paderi, akan memulakan lawatan kepada mereka yang masih terbatas di rumah dalam jangkauan kawasan luas diliputi oleh paroki kita. Kami ingin melakukannya secara selamat, oleh sebab kami membawa kepada mereka yang sakit Sakramen Rekonsiliasi, Pengurapan dan Ekaristi.



Akhir sekali, memandangkan pengakuan dosa, yang melibatkan jumlah besar orang bertaubat dan paderi melawat untuk mendengarkan pengakuan dosa, tidak dapat dilakukan akibat pandemik ini, kami paderi bertiga akan mengambil kesempatan pada setiap pagi Sabtu untuk mendengar pengakuan di Gereja. Pengakuan dosa yang bermakna adalah persiapan terbaik untuk menyambut Paska.

5.0 Pengorbanan dan keselamatan

Kini, sudah hampir dua tahun sejak bermulanya wabak ini. Keletihan terhadap sekatan yang dikenakan oleh SOP amat kita fahami dan kita semua menginginkan semula kebebasan yang kita nikmati sebelum krisis ini. Terdapat banyak cadangan untuk mengadakan perayaan Ekaristi dengan lebih senang, mengambil contoh daripada amalan di restoran, pusat membeli-belah, dan kapal terbang. Perseumpamaan ini seolah-olah menyamakan umat Katolik dengan budaya konsumerisme masyarakat. Dengan berkeras mendesak bahawa "kita" sepatutnya boleh hidup seperti "mereka" adalah bukan suatu alasan kukuh; sebaliknya merupakan tanda hasad dengki atau keinginan untuk meniru tindakan orang lain, walaupun tindakan tersebut adalah tidak munasabah.

Sebagai umat Katolik, kita dipanggil untuk mencapai sahsiah yang lebih tinggi melalui penyangkalan diri dan pengorbanan menyerupai Kristus. Maka, melalui kewaspadaan dan pematuhan SOP, marilah kita berbuat sedemikian dengan semangat yang sama demi kebaikan semua dan orang tersayang.

6.0 Musim pembaharuan semula

Gereja telah menetapkan empat puluh hari untuk kita berpuasa (semasa Prapaska), manakala lima puluh hari pula untuk perayaan (semasa Paska), atas sebab kehidupan Kristian adalah cenderung terhadap kegirangan daripada kesedihan, dan lebih kepada rahmat daripada dosa. Oleh itu, Prapaska tidak seharusnya dianggap sebagai suatu pengalaman sedih kerana semua keseronokan hidup terpaksa dilepaskan, sebaliknya ia lebih tentang memperolehi rahmat dan meraikan musim pembaharuan semula yang membawa kita hidup baru daripada leburan kebekuan peribadi lama kita.

Marilah kita terus menumpukan perhatian kita terhadap Kristus semasa menyertaiNya dan berjalan bersamaNya sepanjang musim Prapaska ini, kerana Dia sahaja yang dapat "menerangi mata hati kita, untuk mengetahui harapan daripada panggilanNya" (Efesus 1:17-18).

Selamat menyambut Rahmat Prapaska!

Gembalamu yang Mengasahi,
Fr Michael Chua, Fr Philip Chua dan Fr Bonaventure Rayappan
Rabu Abu
2 Mac 2022